



## ISLAMIC FASHION FESTIVAL (IFF) MENGHINA ISLAM!

Jika selama ini kita hanya mendengar dan menyaksikan puak kuffar menghina Islam tetapi kali ini kita dikejutkan dengan peristiwa penghinaan ke atas Islam yang terjadi di *Islamic Fashion Festival* (IFF) yang dinaungi oleh Datin Seri Rosmah Mansor, isteri kepada Perdana Menteri Malaysia. Rosmah yang memberi ucapannya di dalam Festival Fesyen Islam yang berlangsung di Sporting Club, Monte Carlo pada 9 Ogos 2010 beberapa kali mengalu-alukan kedatangan tetamu kehormat ke majlis itu. Antara yang turut hadir di majlis tersebut adalah Perdana Menteri Malaysia sendiri. Walaupun festival tersebut telah lebih dua bulan berlalu, namun gambar-gambar dan video mengenainya agak baru sahaja tersiar di internet yang menunjukkan betapa majlis tersebut telah menghina Islam. Agak pelik kenapa media arus perdana yang selama ini senantiasa melaporkan ucapan Najib mahupun Rosmah di majlis yang dihadiri mereka sebagai berita utama, namun kali ini majlis ini tidak mendapat liputan meluas seolah-olah ada sesuatu yang hendak disembunyikan. Dewan Pemuda PAS telah membantah keras tindakan Rosmah yang dianggap menghina Islam di mana beberapa demonstrasi di adakan di masjid-masjid utama di beberapa buah negeri pada Jumaat lepas. Fathul Bari yang juga anak kepada bekas Mufti Perlis, Datuk Mat Jahya Hussin yang menjadi wakil UMNO Perlis yang pertama kali berbahas dalam Perhimpunan Agung UMNO 2010 yang lalu cuba membela isteri ketuanya ini dengan menegaskan bahawa "pihak pembangkang sepatutnya menyiasat terlebih dahulu hal itu dan meneliti adakah Rosmah melakukan kesalahan itu secara sengaja atau tidak. Adakah Rosmah mengetahui perkara tersebut atau tidak. Adakah Rosmah terpaksa atau tidak," katanya. "Mengapa tidak kita menarik tangannya, bersendirian dengannya bertanya kepadanya terlebih dahulu apa yang berlaku? Adakah dia mengetahui majlis seperti ini dilangsungkan atau tiba-tiba dia terkejut dikaitkan fesyen itu dengan Islam", ujarnya [BH 23/10/10]. Terlalu terburu-buru nampaknya wakil Perlis ini 'menghentam' pembangkang dengan merujuk kepada IFF yang dihadiri Rosmah di Jakarta walhal apa yang *dimuhasabah* oleh pembangkang adalah merujuk kepada IFF yang dihadiri Rosmah di Monte Carlo. Fathul Bari yang diiktiraf oleh UMNO sebagai ulama muda nampaknya sudah menjadi pengampu yang baik walaupun baru muncul di pentas politik sekular tanahair dan nampaknya bakal menjadi alat UMNO yang berkesan dalam menangkis serangan pembangkang, sebagaimana tokoh agama lainnya yang telah menjual akhirat mereka demi sedikit habuan dunia yang diberi oleh UMNO.

Di dalam ucapan Rosmah yang boleh dilayari di laman web peribadinya [[http://www.pmo.gov.my/datinrosmah/\\_view\\_speech.php?submission\\_id=223](http://www.pmo.gov.my/datinrosmah/_view_speech.php?submission_id=223)], isteri Perdana Menteri Malaysia itu telah menyatakan dengan bangga bahawa "*This Malaysian-inspired festival has made the journey of a thousand miles here to Monaco. As Patron of the IFF, I am most honoured and privileged to be here in Monaco, an international capital of luxury fashion that has inspired the creations of many fashion designers around the world*" (Festival yang diinspirasi oleh Malaysia ini telah menempuh perjalanan beribu batu hinggalah sampai ke sini, Monaco. Sebagai penaung IFF, saya merasa amat terhormat dan istimewa untuk berada di Monaco, pusat fesyen antarabangsa yang terhebat yang telah memberikan inspirasi kepada lahirnya pencipta-pencipta fesyen seluruh dunia). Berdasarkan sedikit sedutan ucapan ini dan teks penuh ucapan Rosmah yang boleh dilayari di alamat di atas, sesungguhnya setiap orang yang ada keimanan dan ikhlas hatinya boleh menilai apa yang dilakukan oleh Rosmah (dan Najib) yang dalam keadaan sedar dan 'sengaja' hadir dalam majlis tersebut serta boleh 'menilai' pula ucapan dan sikap pengampu Fathul Bari sebagai seorang ulama baru yang cuba menonjol dan naik di dalam UMNO.

Apa yang jelas, dari ucapan Rosmah sendiri menunjukkan bahawa dia telah terlibat di dalam penganjuran IFF, malah di dalam ucapannya, dia mengakui yang dia telah menjemput Putera Monaco, Prince Albert II ke majlis tersebut dan berterima kasih kepada putera tersebut kerana sudi hadir. Rosmah juga tanpa berselindung memberitahu dan mengucapkan terima kasih kepada sponsor majlis tersebut iaitu *Tourism Board of Sarawak* (Lembaga Pelancongan Sarawak). Entah berapa banyak duit rakyat Sarawak yang telah disapu dan apakah faedahnya kepada rakyat Sarawak dengan penganjuran majlis di Monte Carlo itu tidaklah kita ketahui. Namun apa yang jelas dari festival fesyen tersebut adalah telah berlakunya penghinaan ke atas Islam dengan mereka menamakannya sebagai "*Islamic fashion*" walhal pakaian-pakaian yang diperagakan oleh model-model yang terlibat, bertentangan sama sekali dengan Islam. Banyak fesyen yang mendedahkan aurat secara langsung baik bahagian atas mahupun bahagian bawah tubuh para model wanita itu. Ada yang berpakaian tipis sehingga menampakkan warna kulitnya. Malah salah seorang model memakai baju yang berlogokan perkataan Arab "Muhammad" yang menutupi bahagian dada dan kemaluan, yang dieja dalam keadaan tonggang terbalik. Kesemua fesyen tersebut, selain tidak menutup aurat dengan sempurna, adalah bersifat "*tabarruj*" dan bertentangan dengan Islam. Sebagai Muslim, kita perlu faham bahawa bukan sahaja 'fesyen' yang diperagakan itu haram, malah 'majlis' itu sendiri adalah haram. Festival fesyen tersebut sebenarnya adalah sebuah festival maksiat tetapi telah dikatakan sebagai festival fesyen Islam. Sungguh, hal ini amat-amat memalukan dan menghina Islam! Baik penaung, penganjur mahupun mereka yang hadir dalam festival tersebut telah berada dalam satu majlis yang memaksati Allah dan RasulNya.

### Aurat Wanita Di Khalayak Ramai & Tabarruj

Sejak diutusnya Rasulullah SAW, kedudukan wanita telah dimuliakan oleh Islam yang selama ini terhina di bawah sistem Jahiliyyah. Islam memandang bahawa wanita adalah aurat yang perlu dijaga dan Islam telah merincikan hukum berhubung hal ini. Islam telah membezakan perbincangan aurat wanita di dalam dua keadaan (i) di dalam *hayatul khasas* (kehidupan khas yakni di rumah) (ii) di dalam *hayatul am* (kehidupan umum yakni di luar rumah atau di khalayak ramai). Untuk tujuan penulisan ini, kami hanya akan menyentuh kedudukan aurat wanita di dalam *hayatul am*. Aurat wanita adalah seluruh anggota tubuhnya kecuali wajah dan dua telapak tangannya. Leher dan rambutnya adalah aurat di hadapan lelaki *ajnabi* (bukan *mahram*) walaupun sehelai. Pendek kata, dari hujung rambut sampai hujung kaki kecuali wajah dan dua telapak tangan adalah aurat yang wajib ditutup. Hal ini berdasarkan firman Allah SWT, "*Dan janganlah mereka menampakkan perhiasannya, kecuali yang biasa tampak daripadanya*" [TMQ an-Nur (24):31]. Ibn Abbas menafsirkan kalimat "*yang biasa tampak daripadanya*" sebagai wajah dan kedua telapak tangan. Menurut Syeikh Taqiyuddin an-Nabhani di dalam kitabnya *Nizam al-Ijtima'ei Fi al-Islam*, yang dimaksud dengan "*yang biasa tampak daripadanya*" adalah 'wajah dan kedua telapak tangan', kerana kedua anggota tubuh wanita inilah yang biasa tampak dari para Muslimah di hadapan Nabi SAW dan baginda membiarkannya. Kedua anggota tubuh wanita ini pula yang biasa tampak dalam pelaksanaan ibadah-ibadah tertentu seperti haji dan solat.

Di samping itu, dalil lain yang menunjukkan bahawa seluruh tubuh wanita adalah aurat kecuali wajah dan kedua telapak tangannya adalah sabda Rasulullah SAW "*Sesungguhnya seorang anak perempuan jika telah haid (baligh), tidak boleh terlihat dari dirinya kecuali wajah dan kedua tangannya hingga pergelangan tangan*" [HR Abu Daud]. Dalil-dalil ini dengan jelas menunjukkan bahawa seluruh tubuh wanita adalah aurat, kecuali wajah dan kedua telapak tangannya. Juga dengan jelas menunjukkan bahawa wanita wajib menutupi auratnya, yakni ia wajib menutupi seluruh tubuhnya, kecuali wajah dan kedua telapak tangannya. Larangan atas kaum wanita untuk menampakkan perhiasannya adalah larangan untuk menampakkan auratnya. Adanya

### SEMINAR TERBUKA HTM: SIRI JELAJAH MALAYSIA 2010 "KEMBALIKAN KHILAFAH SELAMATKAN DUNIA"

Tarikh: 30 Oktober 2010 (Sabtu)

Tempat: Dewan Seminar, Tingkat 1, Kompleks Dagangan Mahkota, Sektor 2, Jalan Sultan Hj Ahmad Shah, Bdr Indera Mahkota, Kuantan  
Masa: 8.30 pagi - 1.00 petang

Ahli Panel: 1) Ust Abdul Hakim Othman (Presiden HTM)  
2) Ust Umar Husien (Timb. Presiden HTM)

= Masuk Percuma, Muslimin & Muslimat Dijemput Hadir =

larangan untuk menampakkan aurat, secara *dalalatul iltizam* menunjukkan atas larangan (terhadap lelaki) melihat bahagian tubuh wanita yang dilarang untuk ditampakkkan.

Seperkara lagi, Asy-Syari' (Allah SWT) telah mewajibkan penutup aurat itu harus berupa sesuatu (pakaian) yang boleh menutupi warna kulit, ertinya kain penutup (pakaian) wanita itu wajib menutupi kulit sehingga tidak boleh diketahui (dibezakan) bahagian yang berwarna putih dari yang merah atau coklat. Jika tidak demikian, maka pakaian tersebut tidak dinilai sebagai menutup aurat. Oleh kerana itu, jika kain penutup (pakaian) itu adalah tipis (transparan) yang tetap menampakkan warna kulit yang ada di baliknya, maka kain penutup seperti itu tidak boleh dijadikan penutup aurat. Sabda Nabi SAW, "*Tidak boleh terlihat dari dirinya*" merupakan dalil yang jelas bahawa Asy-Syari' telah mensyaratkan di dalam sesuatu yang digunakan menutupi aurat agar tidak terlihat aurat yang ada di baliknya. Ertinya, harus menutupi kulit, tidak menampakkan apa yang ada di baliknya. Inilah hukum tentang menutup aurat. Hukum ini perlu dibezakan dengan hukum pakaian wanita dalam *hayatul am* dan juga hukum *tabarruj* (dibincangkan di bawah). Menutup aurat sahaja tidak mencukupi apabila seseorang wanita itu berjalan di jalan umum, sebab As-Syari' telah menetapkan pakaian tertentu bagi wanita apabila ia berada di dalam *hayatul am* dan ia juga tidak boleh ber-*tabarruj*. Pakaian wanita dalam *hayatul am* terdiri dari dua jenis iaitu (i) *libas asfal* (baju bawah) yang disebut dengan *jilbab*, dan (ii) *libas 'ala* (baju atas) iaitu *khimar* (tudung).

Mengenai kewajipan pakaian bawah (*libas asfal*), Allah SWT berfirman, "*Wahai Nabi, katakanlah kepada isteri-isterimu, anak-anak perempuanmu dan isteri-isteri orang mukmin, 'Hendaklah mereka mengulurkan jilbabnya ke seluruh tubuh mereka'*" [TMQ al-Ahzab (33):59]. Dalam kitab Al-Mu'jam Al-Wasith karya Dr. Ibrahim Anis [Kaherah: Darul Maarif ms 128], *jilbab* diertikan sebagai *ats-tsaubul musytamil ala al-jasadi kullihi* (pakaian yang menutupi seluruh tubuh), atau *ma fauqa ats-tsiyab kal milhafah* (pakaian luar yang dikenakan di atas pakaian rumah seperti *milhafah* (semacam jubah), atau *al-mula'ah asy-tamilu biha al-mar'ah* (pakaian luar yang digunakan untuk menutupi seluruh tubuh wanita). Berdasarkan pengertian ini, jelaslah bahawa yang diwajibkan ke atas wanita adalah mengenakan pakaian yang satu (sekeping) umpama jubah yang lurus dari atas hinggalah ke bawah. Maksud *milhafah/mula'ah* adalah pakaian yang dikenakan sebagai pakaian luar [di dalamnya masih ada pakaian dalam (pakaian rumah) atau pakaian sehari-hari] lalu diulurkan ke bawah hingga menutupi kedua mata kakinya.

Jika ia tidak memiliki *mula'ah* atau *milhafah*, hendaklah ia meminjamnya dari saudaranya, jirannya atau kerabatnya. Jika ia tidak dapat meminjamnya atau tidak ada yang mahu memberinya pinjam, maka ia tidak boleh keluar rumah tanpa mengenakan pakaian tersebut. Diriwayatkan dari Ummu 'Athiyah yang berkata, "*Rasulullah SAW memerintahkan agar kami mengeluarkan para wanita yakni hamba-hamba sahaya perempuan, wanita-wanita yang sedang haid, dan para gadis pingitan, pada hari Raya Idul Fitri dan Idul Adha. Wanita-wanita yang sedang haid, mereka memisahkan diri tidak ikut menunaikan solat, tetapi tetap ikut menyaksikan kebaikan dan (mendengarkan) seruan kepada kaum Muslimin. Aku lantas berkata, 'Ya Rasulullah, salah seorang di antara kami tidak memiliki jilbab'. Rasulullah lalu menjawab, 'Hendaklah saudaranya memakaikan (meminjamkan) jilbabnya kepada wanita itu'*" [HR Muslim]. Dalil-dalil di atas menunjukkan dengan jelas tentang pakaian wanita di kehidupan umum. Allah SWT di dalam kedua ayat di atas, telah mendeskripsikan pakaian tersebut yang telah diwajibkan kepada wanita untuk dikenakan dalam kehidupan umum, dengan deskripsi rinci, lengkap dan menyeluruh.

Untuk pakaian atas (*libas 'ala*), wanita disyariatkan/diwajibkan memakai *khimar* iaitu tudung atau apa sahaja bahan/kain yang serupa dengannya yang berfungsi menutupi seluruh kepala, leher, dan lubang leher baju di dada. Allah SWT berfirman, "*Dan hendaklah mereka menutupkan kain tudung ke dadanya*" [TMQ an-Nur (24):31]. Maksudnya, hendaklah para wanita mengulurkan kain penutup kepalanya ke leher dan dadanya, untuk menyembunyikan apa yang tampak dari belahan baju dan belahan pakaian, berupa leher dan dada. Dan hendaklah tudung itu telah siap atau tersedia untuk dikenakan apabila wanita keluar ke pasar-pasar atau berjalan di jalanan atau berada di khalayak ramai. Maka jika seorang wanita telah mengenakan *libas asfal* dan *libas 'ala* ini, barulah boleh ia keluar dari rumahnya menuju kehidupan umum. Jika ia tidak mengenakan kedua jenis pakaian ini, maka haram baginya berada dalam *hayatul am*.

Mengenai *tabarruj*, Islam mengharamkan kaum wanita untuk ber-*tabarruj*. Allah SWT berfirman, "*Dan perempuan-perempuan tua yang telah terhenti (dari haid) yang tiada ingin kahwin (lagi), tiadalah atas mereka dosa menanggalkan pakaian mereka dengan tidak (bermaksud) menampakkan perhiasan'*" [TMQ an-Nur (24):60]. Ayat ini melarang wanita yang sudah tua untuk ber-*tabarruj* iaitu tatkala ayat ini meletakkan syarat terhadap wanita tua itu dalam menanggalkan atau melepaskan pakaian yang boleh untuk ditanggalkan, hendaklah ia tidak ber-*tabarruj*. *Ma'fhumnya*, ayat ini merupakan larangan *tabarruj*. *Ma'fhum muwafaqah* dari ayat ini adalah, jika kaum wanita yang sudah tua dilarang melakukan *tabarruj*, maka apatah lagi wanita selain mereka (wanita yang lebih muda). Firman Allah yang lain, "*Dan hendaklah kamu tetap di rumah kamu, dan janganlah kamu berhias dan bertingkah laku seperti orang jahiliah'*" [TMQ Al-Ahzab (33):33]. Allah SWT juga berfirman, "*Dan janganlah mereka memukulkan kakinya agar diketahui perhiasan yang mereka sembunyikan'*" [TMQ an-Nur (24):31]. Apa jua perbuatan lain yang menyerupai apa yang disebutkan di dalam ayat ini dinilai sebagai *tabarruj*. *Tabarruj* maknanya adalah, 'menampakkan perhiasan dan kecantikan kepada lelaki asing (bukan *mahram*)'. Dikatakan di dalam bahasa Arab, *tabarrajat al-mar'ah* (seorang wanita bertabarruj) ertinya *az-harat zinataha wa mahasinaha li al-ajanib* (wanita itu telah menampakkan perhiasan dan kecantikannya kepada lelaki ajnabi -bukan mahramnya-).

Terdapat sejumlah hadis tentang larangan atas setiap perbuatan yang dinilai sebagai *tabarruj*. Abu Musa al-Asy'ari menuturkan bahawa Rasulullah SAW pernah bersabda, "*Wanita mana sahaja yang memakai wangian kemudian melewati suatu kaum agar mereka mencium aromanya, maka ia (seperti) wanita yang berzina (pelacur)*" [HR Ibn Hibban & al-Hakim]. Maksudnya, seperti wanita yang berzina dalam hal dosanya. Rasulullah SAW juga bersabda, "*Ada dua golongan di antara penghuni neraka yang belum pernah aku lihat keduanya, suatu kaum yang membawa cambuk seperti ekor sapi yang mereka gunakan untuk memukul orang dan perempuan yang berpakaian tetapi telanjang yang cenderung dan mencenderungkan orang lain (kepadanya), (hiasan) kepala mereka seperti ponok unta yang miring. Mereka ini tidak akan masuk syurga dan tidak akan mencium aroma syurga. Walhal sesungguhnya aroma syurga itu boleh tercium sejauh perjalanan demikian dan demikian'*" [HR Muslim]. Kesemua dalil di atas secara jelas menunjukkan larangan (keharaman) *tabarruj*. Oleh itu, apa jua perhiasan atau *make-up* yang dapat menarik pandangan lelaki dan dapat menampakkan kecantikan wanita, maka ia termasuk tindakan *tabarruj* jika seorang wanita muncul di dalam kehidupan umum dengan perhiasan seperti itu dan ia telah berdosa.

### Khatimah

Sesungguhnya Islam telah memuliakan wanita dan meletakkan beberapa hukum khusus untuk kaum hawa ini agar ia tidak menjadi bahan atau objek yang boleh dipergunakan sewenang-wenangnya. Tidak sebagaimana sistem Kapitalis hari ini yang telah menjadikan wanita sebagai bahan komoditi, alat dan objek seks semata-mata, Islam telah memberikan satu kehidupan yang unik dan tenteram untuk kaum wanita. Islam telah melarang wanita untuk melakukan segala bentuk perbuatan yang mengandungi bahaya terhadap akhlak atau yang dapat merosakkan masyarakat. Kerana itu, seorang wanita dilarang untuk bekerja dengan pekerjaan yang dimaksudkan untuk memanfaatkan 'aspek kewanitaan' mereka. Diriwayatkan dari Rafi' ibn Rifa'ah, ia menuturkan bahawa, "*Nabi SAW telah melarang kami (mendapat hasil) dari pekerjaan seorang pelayan wanita kecuali yang dikerjakan dengan kedua tangannya. Beliau bersabda (sambil menunjukkan), 'begini' dengan jari-jemarinya seperti membuat roti, memintal, atau menenun'*" [HR Ahmad]. Maksudnya, seorang wanita dilarang untuk bekerja sebagai pelayan di tempat-tempat penjualan untuk menarik pelanggan. Juga, wanita di larang bekerja di pejabat-pejabat atau di kaunter-kaunter apa sekalipun dengan maksud untuk memanfaatkan unsur kewanitaannya dalam rangka mencapai tujuan-tujuan tertentu. Wanita dilarang sama sekali (haram) bekerja sebagai pelayan bagi lelaki, sebagai model, pramugari dan pekerjaan-pekerjaan lainnya yang bertujuan 'memanfaatkan' unsur kewanitaannya. Di sinilah Islam telah meletakkan satu kemuliaan kepada kaum hawa sebagai seorang yang bergelar wanita, isteri dan ibu di mana Islam telah menetapkan bahawa wanita adalah aurat yang perlu dijaga, bukan dieksploitasi. Namun sayangnya di sebalik semua kemuliaan yang diberikan oleh Islam, terdapat segelintir wanita yang sengaja memilih jalan untuk menjerumuskan diri mereka ke jurang neraka.